

BAB DUA

TINJAUAN TERHADAP KAJIAN BERKAITAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan hasil beberapa kajian yang pernah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sama ada dari dalam dan luar negeri berdasarkan kepada masalah-masalah berikut :

- a. konsep tekanan
- b. konsep kepuasan kerja
- c. tahap tekanan kerja
- d. hubungan antara tekanan yang dialami oleh guru dengan kepuasan kerja
- e. tahap tekanan yang dialami oleh guru dan hubungannya dengan jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar.
- f. perkara yang dianggap oleh guru sebagai punca tekanan
- g. komitmen terhadap profesion guru

2.2 Konsep tekanan

Dari segi bahasa definisi tekanan yang diberikan oleh *Webster's International Encyclopedia* ialah faktor emosi yang menyebabkan tekanan sama ada ke atas fizikal atau mental dan boleh menyebabkan seseorang itu sakit dan tidak boleh berfungsi dengan sempurna.

Dr. Hans Selye yang dianggap pelopor dalam bidang kajian stress semenjak tahun 1930-an telah meletakkan maksud tekanan sebagai kadar kelenturan dalam diri seseorang individu. Tekanan ini boleh bertindak sebagai elemen positif iaitu sebagai pengaruh dan memberi motivasi pada kadar tertentu atau memberi kesan negatif kepada fizikal dan emosi seseorang. (Fisher, 1994)

Cox dan Mackey (1978) melihat tekanan sebagai satu fenomena yang dipersepsikan oleh seseorang yang diakibatkan oleh proses psikologi. Fenomena yang dipersepsikan ini adalah hasil perbandingan di antara tuntutan terhadap diri seseorang dengan kebolehan mereka untuk mengawalnya. Ketidak seimbangan yang wujud dalam mekanisme ini yang akan menghasilkan tekanan.

Menurut M.H. Appley dan R. Trembull tekanan ialah unsur yang mempengaruhi tindak balas fisiologi dan tingkah laku akibat rangsangan yang tidak

disukai. Bentuk tekanan yang dialami boleh membabitkan fizikal dan psikofizikal.
(Jaafar Muhammad, 1997)

Menurut Dunham (1980) pula, tekanan merupakan satu proses tindak balas fizikal, mental dan tingkah laku akibat desakan baru, berterusan atau meningkat serta di luar keupayaan seseorang untuk menanggungnya.

Namun demikian menurut McGrath (1970) tahap tekanan yang dialami oleh individu bergantung kepada sejauh mana persepsi mereka terhadap ketidak upayaan mereka untuk memenuhi sesuatu permintaan. Lebih tinggi perhatian seseorang terhadap kepentingan akibat-akibat ini, lebih tinggi tahap tekanan yang akan dialami.

Kesimpulannya, tekanan adalah satu bentuk reaksi normal yang dialami oleh semua individu. Ia kadang-kadang boleh memberi kesan yang positif dan kadang-kadang memberi kesan yang negatif. Ini bergantung kepada cara penerimaan, pandangan dan tindakan individu.

2.3 Konsep kepuasan kerja

Menurut pandangan Smith (1967) kepuasan kerja merujuk kepada tindak balas efektif seseorang individu terhadap kerjanya iaitu hasil daripada penyataan

emosi yang positif yang lahir daripada penilaian terhadap kerja atau pengalamannya.

Herberg, Maunsner & Snynderman (1959) mengaitkan kepuasan kerja dengan perasaan tenang terhadap situasi kerja termasuk pencapaian dalam pekerjaan. Mereka yang menunjukkan sikap positif terhadap kerja merupakan gambaran kepada konsep kepuasan kerja manakala sikap negatif menggambarkan ketidak puasan kerja. (Vroom, 1964).

Locke (1969) menggambarkan kepuasan kerja sebagai sesuatu yang menyeronokkan atau keadaan positif hasil dari penilaian terhadap pekerjaan atau pengalaman.

Bagi Schultz & Schultz (1994) kepuasan kerja merujuk kepada perasaan dan sikap seseorang sama ada positif atau negatif terhadap kerjayanya. Perasaan dan sikap ini bergantung kepada pelbagai kerja yang berkait dengan pelbagai faktor personal. Faktor ini termasuklah faktor umur, kesihatan, pengalaman bekerja, kestabilan emosi, status sosial, aktiviti masa lapang, keluarga serta lain-lain yang berhubung dengan sosial.

Kesimpulannya, kepuasan kerja merupakan satu manifestasi sikap yang menggambarkan sejauh mana seseorang individu itu mersa gembira dan berminat terhadap pekerjaannya.

2.4 Hubungan antara tekanan kerja dan kepuasan kerja

Salah satu kesan psikologi yang diakibatkan oleh tekanan kerja ialah seseorang itu akan menunjukkan sikap ketidak puasan terhadap kerja. Menurut Clarke (1985) antara kesan tekanan ialah hilang minat terhadap kerja dan sering menyatakan ketidak puasan hati terhadap kerja yang mereka lakukan serta menunjukkan prestasi kerja yang menurun.

Beberapa hasil kajian yang telah dijalankan juga menunjukan bahawa terdapat hubungan yang negatif antara guru yang mengalami tekanan dengan kepuasan terhadap kerja.

Kyriacou dan Sutcliffe (1979) dalam kajiannya mendapati 72.5% daripada responden menyatakan mereka berpuashati dengan kerjaya guru. Namun demikian tiada hubungan yang signifikan diperolehi antara kepuasan kerja dan tekanan kerja. Kajian Laughlin (1984) yang dijalankan keatas 1 800 orang guru. Guru ini menyatakan puas hati dengan kerja mereka. Dalam kajian ini juga kolerasi negatif ditunjukkan dalam hubungan antara kepuasan kerjaya dan tekanan kerja.

Kajian oleh Borg dan Falzon (1989) juga menunjukkan hasil kajian yang sama. Walaupun 75 peratus daripada responden menyatakan kepuasan kerja yang tinggi tetapi tidak terdapat kolerasi yang positif antara kepuasan kerja dan tekanan kerja. Beberapa kajian lain turut memperolehi hasil kajian yang sama. Laporan kajian menunjukkan kolerasi negatif di antara kepuasan kerja dan tekanan kerja (Smilansky 1984, Broiles 1982, Borg daan Riding 1991)

2.5 Tahap tekanan guru

Berdasarkan beberapa kajian yang dijalankan ke atas tekanan kerja guru sekolah di negara-negara Barat kebanyakan guru menyatakan bahawa tugas guru merupakan tugas yang bertekanan tinggi. Beberapa kajian di England mendapati satu pertiga daripada guru yang terlibat dengan kajian menyatakan bahawa kerja guru dibawah tekanan tinggi dan sangat tertekan. Kajian oleh Capel (1991) ke atas 640 orang guru yang mengajar di 80 buah sekolah di peringkat menengah dan tinggi. Kebanyakan responden menunjukkan skor yang tinggi dan paling tinggi dalam semua skala stress yang dikemukakan kepada mereka iaitu 40 peratus menyatakan kerjaya guru adalah kerjaya yang tertekan dan 33 peratus daripadanya menyatakan sangat tertekan.

Kajian-kajian yang dibuat oleh Kyriacou dan Sutcliffe ke atas guru sekolah di England turut membuktikan bahawa tugas mengajar bertekanan tinggi. Kajian berlainan selama tiga tahun berturut-turut ini mencatatkan tekanan tinggi yang berkadar 29.3 peratus (Kyriacou dan Sutcliffe, 1977), 19.9 peratus (Kyriacou dan Sutcliffe, 1978b) dan 23.4 peratus (Kyriacou dan Sutcliffe, 1979). Di Israel kajian terhadap tahap tekanan guru telah dijalankan oleh Smilansky (1984) mendapati 14 peratus daripada responden menyatakan tugas mereka berada dalam lingkungan bertekanan tinggi.

Pithers dan Fogarty (1995) mencatatkan beberapa kajian yang dijalankan di sekolah-sekolah di Australia dan New Zealand.. Kajian-kajian ini turut menunjukkan bahawa guru-guru di sana menganggap bahawa kerjaya mereka berada di bawah kerjaya yang bertekanan tinggi. Misalnya kajian oleh Otto (1986) ke atas 600 orang guru yang mengajar di 16 buah sekolah mendapati satu perdua daripada guru ini terpaksa menerima rawatan doktor akibat daripada masalah kerja yang mereka hadapi.

Daripada kajian O'Connor dan Clarke (1990) dalam soal selidik yang diperolehi daripada 238 orang guru di Australia mendapati hanya 10 peratus sahaja daripada mereka menyatakan tugas guru tidak tertekan. Dalam satu lagi kajian di Australia yang di jalankan oleh Teutemann dan Punch (1990) dengan menggunakan "General Health Questionnaire" (GHQ), didapati bahawa 45 peratus

daripada 574 orang guru menganggap tugas mereka berada pada tahap sederhana tertekan. Daripada jumlah ini pula, separuh menunjukkan skor dalam lingkungan tekanan tinggi.

Manakala di New Zealand 34 peratus daripada responden yang dikaji iaitu guru yang berada di sekolah rendah dan menengah yang mengajar di sekolah pedalaman dan bandar melaporkan bahawa tugas guru berada di tahap tekanan yang tinggi dan sangat tinggi. (Mantei & Solman, 1988)

Di Malta, kajian Borg dan Falzon (1989) ke atas 844 guru sekolah rendah menunjukkan bahawa setiap tiga daripada 10 orang guru 30 peratus menganggap tugas mereka bertekanan tinggi. Kajian Borg dan Riding (1991a) ke atas 545 orang guru menengah pula mendapati bahawa 33.6 peratus guru termasuk dalam katogeri guru yang bertekanan tinggi.

Satu lagi kajian di Australia yang dilakukan oleh Fontana dan Abouserie (1993) yang melibatkan 95 orang guru yang terdiri daripada 51 orang perempuan dan 44 lelaki mendapati kebanyakan guru-guru ini iaitu 72.6 peratus menganggap kerjaya guru berada dalam tekanan tinggi dan 23.2 peratus daripadanya menganggap sangat serius dan hanya 4.2 peratus menganggap bahawa tugas mereka tidak memberi masalah pada mereka.

Di Malaysia kajian terhadap tahap tekanan yang dialami oleh guru di negara ini telah dijalankan beberapa orang pengkaji seperti oleh Suseela (1994), Tan (1996) dan Abdul Rahim(1998). Kajian Suseela (1994) ke atas 360 orang guru di 9 buah sekolah menengah di Kuala Lumpur menunjukkan bahawa 36.8 peratus daripada guru ini menyatakan tugas mereka sebagai guru berada dalam lingkungan sangat tertekan dan teramat tertekan. Hasil kajian Tan (1994) terhadap 60 orang guru di sekolah rendah menunjukkan tahap tekanan guru ini berada pada tahap sederhana tertekan. Abdul Rahim (1998) pula melaporkan bahawa guru sekolah di Kuantan menyatakan bahawa tahap tekanan yang mereka alami adalah ditahap sederhana tetapi cenderung kepada tahap yang tinggi.

Hasil penganalisaan kajian-kajian sama ada di dalam dan luar negeri menunjukkan bahawa hampir satu pertiga daripada responden dalam setiap kajian yang dijalankan menganggap tugas guru adalah tugas yang berada dalam kategori yang bertekanan tinggi.

Di samping mengenal pasti tahap tekanan yang dialami oleh guru-guru ini ada di antara pengkaji-pengkaji berminat untuk melihat apakah wujudnya perbezaan tanggapan tahap tekanan kerja dengan jantina dan hubungan tanggapan tahap tekanan dengan beberapa variabel lain seperti pengalaman mengajar dan kelas yang diajar.

2.6 Perbezaan antara tahap tekanan dan jantina

Di samping melihat tahap tekanan yang dialami oleh guru-guru sekolah ini, pengkaji-pengkaji ini cuba melihat adakah wujud perbezaan yang signifikan di antara tahap tekanan kerjaya dengan antara guru lelaki dan guru perempuan. Melalui penanalisaan terhadap kajian-kajian yang telah dilakukan terdapat kajian-kajian yang melaporkan bahawa tekanan yang dihadapi oleh guru perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan guru lelaki.

Kajian oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1977,1978b) melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap tekanan yang dialami oleh guru lelaki dan guru perempuan. Guru perempuan didapati mengalami tekanan yang lebih berbanding dengan guru lelaki. Tan (1996) dalam penemuannya daripada kajian yang dibuat oleh Laughlin (1984) mendapati guru perempuan mengalami tekanan kerjaya yang tinggi berbanding dengan guru lelaki. Menurut beliau perbezaan ini wujud mungkin disebabkan oleh guru perempuan terpaksa menanggung bebanan tugas yang lebih samada di sekolah dan juga di rumah. Ia juga mungkin disebabkan oleh usaha guru perempuan untuk memperolehi hak persamaan dengan guru lelaki dalam membuat keputusan dasar-dasar sekolah.

Sebaliknya kajian-kajian yang dilakukan oleh beberapa pengkaji lain seperti, Borg and Falzon (1989), Teuttemann dan Punch (1990) dan Borg dan

Riding (1991a) menunjukan bahawa guru lelaki mengalami tekanan yang lebih tinggi berbanding dengan guru perempuan. Dalam kajian Teuttemann dan Punch (1990) mendapati 23 peratus guru lelaki menyatakan sangat tertekan dengan kerjaya mereka berbanding 20 peratus di kalangan guru perempuan.

Begitu juga dalam kajian Borg dan Falzon (1989) yang mengkaji tahap tekanan guru di Malta. Sebanyak 32.9 peratus daripada guru lelaki menyatakan sangat tertekan berbanding 29.3 peratus daripadanya adalah guru perempuan. Keputusan yang sama diperolehi dalam laporan kajian daripada Borg dan Riding (1991a). Kumpulan guru lelaki yang berumur bawah 31 tahun menyatakan bahawa kerjaya mereka adalah dalam kategori sangat tertekan berbanding dengan guru perempuan dalam kumpulan yang sama.

Walau bagaimanapun terdapat juga kajian-kajian lepas yang menunjukan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan yang wujud antara guru lelaki dan guru perempuan dalam menentukan tahap tekanan yang dihadapi dalam kerjaya guru. Kyriacou dan Sutcliffe (1978b) yang membuat kajian ke atas 143 lelaki dan 113 perempuan mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan yang wujud antara guru lelaki dan guru perempuan dalam menentukan tahap tekanan yang dihadapi dalam kerjaya guru. Fontana dan Abouserie (1993) dalam kajian yang melibatkan 51 perempuan dan 44 lelaki juga tidak menemui perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan guru perempuan. Keputusan yang sama turut

diperolehi dalam beberapa kajian yang dijalankan di Malaysia. (Suseela, 1994; Tan, 1996 dan Siti Radziah, 1982)

2.7 Tahap Tekanan Dan Pengalaman Mengajar

Terdapat beberapa kajian lain yang cuba melihat hubungan antara tahap tekanan dengan pengalaman mengajar. Siti Rohani (1991) mendapati bahawa tekanan akan meningkat dengan meningkatnya usia dan pengalaman seseorang guru. Kenyataan turut disokong dalam kajian yang telah diperolehi daripada kajian yang dilakukan oleh Siti Radziah (1982) di kalangan guru di Wilayah Persekutuan. Beliau mendapati guru yang mengajar lebih daripada tiga tahun mengalami tekanan kerja yang tinggi berbanding dengan guru yang mengajar kurang daripada tiga tahun. Di Barat kajian oleh Borg dan Falzon (1989) didapati guru yang lebih berpengalaman iaitu mereka yang mengajar lebih daripada 20 tahun didapati lebih menghadapi tekanan jika dibandingkan dengan guru yang mengajar kurang daripada 20 tahun.

Manakala kajian oleh Leach (1984) dan Mori (1992) yang diperolehi dalam kajian Suseela (1994) pula menunjukkan keputusan yang berlawanan dengan dapatan yang diperolehi oleh Siti Rohani (1991), Siti Radziah (1982) serta Borg dan Falzon (1989). Kajian-kajian mereka menunjukkan bahawa guru yang kurang pengalaman (kurang daripada 10 Tahun) lebih menghadapi tekanan berbanding

dengan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun Ini menunjukkan bahawa pengalaman seseorang tidak mempengaruhi tahap tekanan yang dialami.

2.8 Tahap tekanan dan kelas yang diajar

Kajian daripada Borg dan Falzon (1989) cuba melihat hubungan di antara tahap tekanan dan kelas yang diajar. Keputusan yang diperolehi mendapati bahawa guru yang mengajar pelajar kelas tinggi lebih mengalami tekanan berbanding guru yang mengajar dikelas rendah. Tekanan yang lebih tinggi dialami oleh guru yang mengajar peringkat ini mungkin disebabkan oleh tanggungjawab dan tumpuan yang lebih perlu diberikan kepada pelajar peringkat tinggi kerana mereka akan menghadapi peperiksaan penting bagi menentukan masa depan mereka.

2.9 Punca-punca yang membawa tekanan kepada kerja guru

Kajian untuk mengenal pasti punca tekanan banyak dilakukan dalam kajian tentang tekanan kerja guru. Ramai di kalangan pengkaji cuba mencari apakah faktor-faktor atau punca-punca kepada tekanan kerja yang dialami oleh guru. Beberapa kajian dari luar dan dalam negeri telah dikaji untuk mengenal pasti apakah punca-punca utama yang membawa kepada tekanan dalam kerjaya guru.

2.9.1 Kajian luar negara

Di barat kajian tentang faktor yang membawa tekanan dan ketidak puasan dalam kerjaya guru telahpun dimulakan sejak awal 60-an lagi. Kajian yang dilakukan oleh McLaughlin dan Shea (1960) untuk mengenal pasti punca ketidak puasan kerja di kalangan 348 guru sekolah rendah dan 445 orang guru sekolah menengah dan rendah di California. Guru-guru ini diminta untuk menyenaraikan item-item yang menjadi punca mereka tidak puas hati dalam kerjaya mereka. Punca utama yang dikenal pasti di kalangan guru sekolah rendah ialah 1) kerjakerja penkeranian, 2) mengendali tugas-tugas di sekolah. Punca ketidak puasan kerja di kalangan guru sekolah menengah ialah ; 1) gaji yang rendah 2) sikap negatif pelajar terhadap pelajaran.

Rudd dan Wiseman (1962) kamudiannya menjalankan kajian di kalangan 590 orang guru di United Kingdom dengan tujuan yang sama. Hasil kajian mereka mendapatkan punca utama ketidak puasan kerja di kalangan guru sekolah menengah ialah ;

- a. gaji yang tidak mencukupi
- b. masalah hubungan dengan rakan sekerja
- c. kekurangan kemudahan di sekolah
- d. tugas mengajar yang padat

Lortie (1975) dalam kajiannya melalui temuramah dengan 94 orang guru di sekolah rendah dan menengah mendapati punca yang menyebabkan berlakunya ketidak puasan dalam kerjaya guru sama seperti yang diperolehi daripada kajian sebelumnya iaitu berkaitan dengan kerja-kerja penkeranian, gangguan dan tekanan masa serta masalah dengan kelakuan buruk pelajar.

Hasil kajian yang hampir sama ditemui dalam kajian yang dilakukan oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1978b) ke atas 257 orang guru di 16 buah sekolah komprehensif di England. Punca utama yang dikenalpasti yang menyebabkan tekanan ialah :

- a. sikap buruk pelajar
- b. gangguan dan tekanan masa
- c. motivasi pelajar yang rendah , dan
- d. menjalankan tugas sebagai guru gantian

Dunham (1976) menjalankan satu kajian perbandingan tentang tekanan guru ke atas 69 orang guru di Sekolah Inggeris dan 59 orang guru di Sekolah Jerman Barat. Hasil temuramah yang beliau jalankan didapati guru di Jerman merasa tertekan ketika berhadapan dengan pelajar yang mempunyai tingkah laku yang buruk. Di samping itu mereka terpaksa menghadapi tugasan yang banyak,

komunikasi yang kurang baik dengan pihak pentadbiran serta mengalami konflik peranan yang banyak. Manakala guru di sekolah Inggeris pula menyatakan tekanan yang mereka hadapi berpunca daripada perubahan yang berlaku dalam organisasi, masalah komunikasi dan tekanan masa.

Manakala analisis yang dibuat oleh Pratt (1978) terhadap punca tekanan dan kesannya ke atas guru sekolah menunjukan bahawa tekanan yang dialami oleh 124 orang guru adalah berpunca daripada lima perkara berikut ;

- a. ketidakupayaan guru menghadapi masalah pembelajaran
- b. pelajar yang kurang memberi kerjasama
- c. pelajar yang agresif
- d. terpaksa mengambil berat masalah pembelajaran pelajar dan
- e. hubungan dengan kakitangan sekolah

Kajian seperti ini terus dilakukan pada tahun berikutnya. Broiles (1982) dalam kajian untuk mengenal pasti punca tekanan yang dialami oleh guru sekolah. Antara punca yang utama yang dikenalpasti ialah kelakuan buruk pelajar, tekanan masa, semangat belajar di kalangan pelajar kurang, keadaan kerja yang kurang menyenangkan dan kekurangan masa bersama pelajar secara individu.

Dalam kajian tentang punca tekanan di Israeli, Smilansky (1984) telah melaporkan bahawa punca utama tekanan yang dialami oleh guru ialah kerana guru dibebankan dengan kerja-kerja yang banyak di samping masalah sikap pelajar yang buruk. Masalah bebanan kerja yang menyebabkan punca utama tekanan bukan sahaja diakui oleh guru dalam kajian Smilansky tetapi juga turut diperolehi daripada kajian yang dibuat oleh Farber (1984) yang diperolehi daripada kajian Tan (1996). Mereka menyatakan bahawa selain daripada tugas mengajar yang padat mereka turut dibebankan dengan kerja-kerja penkeranian seperti mengutip yuran, mengurus biasiswa, mengisi borang pentadbiran, mengeluarkan resit dan menjual alat tulis. Disebabkan oleh kerja sedemikian tidak diketahui oleh masyarakat, maka masyarakat kurang menunjukkan penghargaan kepada sumbangan guru.

Satu lagi kajian yang berkaitan dengan punca tekanan ini ialah kajian daripada Dewe (1986) yang menyenaraikan enam keadaan yang menyebabkan guru berada dalam situasi yang tertekan dalam kerjaya mereka. Keadaan tersebut ialah :

- a. bebanan kerja
- b. harapan yang tinggi daripada ibu bapa dan pihak lain
- c. masalah disiplin dalam kelas

- d. tidak ada sokongan daripada ibu bapa dan pelajar yang bermasalah
- e. kurang kemudahan pembelajaran pengajaran
- f. kurang pengawalan dalam masalah sekolah

Di Nigeria, Okebukola dan Jedege (1989) melakukan satu kajian ke atas 1024 orang guru dengan menggunakan inventori 31 item yang dikenali sebagai “*Occupational Stress Inventory for Teachers*” (OSIT). Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa sikap buruk pelajar terhadap pelajaran dan terpaksa mengajar kelas yang besar merupakan dua punca utama tekanan guru.

Di Australia, Tan (1996) memetik beberapa kajian yang telah dijalankan oleh orang-perseorangan dalam mengenal pasti punca tekanan kerjaya yang dialami oleh guru sekolah seperti Fisher (1984), Thompson dan Foley (1984), Sarros (1986) dan Hatchard dan Thomas (1987). Kesemua mereka merumuskan bahawa masalah tekanan guru wujud adalah disebabkan oleh beberapa sebab. Di antaranya ialah:

- a. penstrukturran semula kementerian,
- b. peruntukan kewangan yang terhad,
- c. bertambah banyaknya pandangan negatif masyarakat terhadap profesi perguruan,
- d. beban kerja bertambah,

- e. gaji yang rendah,
- f. sumbangan kurang dihargai, dan
- g. prospek kerja yang terhad.

Dalam tahun 90-an kajian terhadap tekanan guru turut menarik minat beberapa orang pengkaji. Di samping ingin mengetahui tahap tekanan yang dialami oleh guru-guru sekolah punca-punca tekanan turut dikaji. Berdasarkan satu kajian yang dibuat oleh Punch dan Teuttemann (1990), faktor atau keadaan yang menjadi punca tekanan kerja guru adalah hampir sama dengan punca-punca yang dinyatakan oleh guru-guru dalam kajian-kajian yang lepas. Antara yang menjadi puncanya ialah ;

- a. kekurangan kemudahan pembelajaran
- b. masalah tingkah laku buruk pelajar
- c. harapan yang tinggi daripada masyarakat
- d. melakukan kerja di luar waktu sekolah

Di British, Brown dan Ralph (1992) melaporkan bahawa guru-guru di British telah menyenaraikan beberapa punca utama yang membawa tekanan dalam kerja mereka iaitu perubahan struktur, disiplin dalam bilik darjah, beban kerja yang berat, kekurangan dan kelemahan dalam pengurusan sekolah dan tekanan masa. Sementara itu Cooper dan Kelly (1993) mendapatkan dua punca utama tekanan

yang dihadapi oleh guru di British ialah bebanan tugas dan masalah hubungan dengan guru-guru lain.

Selain itu kajian daripada Cartee (1993) yang diperolehi daripada kajian Suseela (1994) mendapati ramai di antara guru menghadapi tekanan akibat daripada berhadapan dengan masalah tingkah laku pelajar di dalam kelas, masalah disiplin pelajar, membuat perancangan pengajaran yang berkesan, memberi motivasi kepada pelajar supaya berminat kepada pelajaran mereka dan terlalu banyak kerja sekolah yang terpaksa dibawa ke rumah dalam usaha untuk memenuhi harapan masyarakat terhadap tugas guru.

Di Hong Kong Chan dan Hui (1995) cuba mengenal pasti punca tekanan yang dialami oleh guru sekolah menengah di sana. Kebanyakan guru ini menganggap bahawa keadaan kerja seperti mengajar di kelas yang ramai pelajar, masalah tingkah laku pelajar dan terpaksa melakukan kerja-kerja bukan mengajar adalah punca yang menimbulkan tekanan kepada mereka.

Chen dan Miller (1997) dalam kajian mereka terhadap punca yang membawa kepada tekanan kerja guru mendapati bahawa perkara-perkara berikut adalah faktor kepada betambannya tekanan di kalangan guru ialah ;

- a. masalah masa
- b. bebanan kerja

- c. konflik peranan
- d. gaji yang berkurangan dan
- e. masalah yang berkaitan dengan keadaan kelas dan pelajar

2.9.2 Kajian di Malaysia

Di Malaysia kajian terhadap punca tekanan kerja guru turut dijalankan oleh beberapa orang pengkaji. Kajian oleh Suseela (1994) mendapati tiga punca utama yang paling membawa tekanan yang ditanda oleh 360 orang guru sekolah menengah di Kuala Lumpur ialah berhadapan dengan kelakuan buruk pelajar, sikap buruk pelajar terhadap kerja dan terlalu banyak kerja- kerja penkeranian. Selain itu punca-punca lain yang dianggap membawa tekanan ialah ;

- a. susah memberi motivasi kepada pelajar
- b. tekanan masa
- c. keadaan kelas
- d. masalah hubungan guru-ibu bapa
- e. kekurangan peluang untuk maju dalam profesi

Manakala kajian oleh Tan (1996) ke atas 60 orang guru sekolah rendah di Daerah Gombak menyenaraikan sepuluh punca utama yang paling mendatangkan tekanan ialah terpaksa mengajar kelas yang besar, gaji yang kurang, sikap buruk pelajar terhadap kerja, kurang peluang untuk maju dalam profesi, terpaksa

mengajar kelas yang kebolehannya berbeza-beza, terpaksa berhadapan dengan tingkah laku buruk pelajar, terpaksa mengambil alih tugas guru yang tidak hadir, terlalu banyak kerja-kerja penkeranian, kurang kerjasama daripada ibu bapa dan kekurangan masa untuk berehat akibat daripada jadual waktu yang ketat.

Kajian Siti Radziah (1982) ke atas 71 orang guru di Wilayah Persekutuan mendapati ketegangan guru lebih dipengaruhi oleh beban kerja, masa mengajar yang terlalu banyak dan mengantikan tugas guru yang tidak hadir. Manakala hasil kajian Siti Rohani (1991) menunjukkan bahawa tekanan yang dialami oleh guru adalah berpunca daripada faktor murid iaitu masalah sikap, minat dan kerja yang ditunjukkan oleh murid sangat menekan tugas guru. Selain itu keadaan kerja seperti bilangan murid yang ramai dalam satu kelas dan kurang kemudahan mengajar juga turut menjadi faktor tekanan guru. Faktor lain yang dinyatakan menjadi punca utama tekanan kepada guru ialah tekanan masa dan suasana sekolah

Berdasarkan kepada hasil kajian-kajian ini dapat disimpulkan bahawa punca-punca tekanan yang dinyatakan oleh guru-guru meliputi pelbagai aspek iaitu aspek pelajar iaitu masalah disiplin pelajar, minat pelajar terhadap pelajaran. Bebanan kerja termasuk kerja-kerja penkeranian, aspek pentadbiran dan perkhidmatan yang lemah serta aspek personaliti guru itu sendiri.

2.10 Komitmen terhadap kerjaya guru

Terdapat beberapa kajian yang munujukkan bahawa kemungkinan seseorang guru itu bersara awal atau meletak jawatan adalah disebabkan oleh tekanan kerja yang mereka alami. Kajian yang dijalankan oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1979) mendapati bahawa 23.5 peratus daripada 218 responden menyatakan ketidak inginan yang tinggi untuk kekal sebagai guru. Demikian juga daripada kajian yang dijalankan oleh Borg dan Riding (1991a) menunjukkan bahwa daripada 472 responden yang dikaji 37.7 peratus daripadanya menyatakan ketidak inginan yang tinggi untuk terus kekal dalam kerjaya mereka. Manakala Terry (1997) melaporkan dalam kajiannya bahawa lebih 40 peratus daripada guru Amerika Syarikat menyatakan bahawa mereka tidak akan kekal dalam kerjaya mereka sebagai guru sehingga mereka pencer.

Kajian di Malaysia, kajian Tan (1996) mendapati bahawa 15 peratus guru menyatakan ketidak inginan untuk kekal dalam profesion guru dalam 10 tahun akan datang. Suseela (1994) mendapati bahawa 24.5 peratus guru menyatakan untuk tidak kekal dalam profesion guru. Satu lagi kajian oleh Jainabee (1991) mendapati bahawa 69.6 peratus guru memilih untuk kekal dalam profesion guru dan hanya 21.6 peratus menyatakan ketidak inginan untuk menjadi guru buat kali kedua.